

Ruj Kami : JANM.PRK.600-1/1/1 (34)

Tarikh : 26 Februari 2026

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

ARAHAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA.800-3/2/4 (57) bertarikh 23 Februari 2026 - Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, surat Kementerian Kewangan Malaysia kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia, MOF.NBO(R)600-9/1/367 Jld.2 (68) bertarikh 20 Februari 2026 - Bantuan Khas Kewangan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2026 serta Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 1 Tahun 2026 - Peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran Bantuan Khas Kewangan Penjawat Awam dan Pesara Tahun 2026 berjumlah RM500.00 akan dibayar kepada pegawai yang layak tertakluk kepada surat Jabatan Perkhidmatan Awam dan dibayar bersekali dengan bayaran emolumen bulan Mac iaitu pada **13 Mac 2026 (Jumaat)**. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan perlu mengambil tindakan dan perhatian berhubung perkara berikut:

- i. Menyemak Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Penjawat Awam dan Pesara Tahun 2026. Sila pastikan pegawai yang tidak layak menerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Penjawat Awam dan Pesara Tahun 2026 telah dikeluarkan daripada laporan tersebut;
- ii. Mengemukakan Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Penjawat Awam dan Pesara Tahun 2026 yang telah disahkan kepada Pejabat Perakaunan;
- iii. Mengutip semua amaun yang telah dibayar kepada pegawai yang tidak layak menerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Penjawat Awam dan Pesara Tahun 2026 sepertimana yang dinyatakan dalam Soalan Lazim Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 rujukan JPA.800-3/2/4 (58) bertarikh 23 Februari 2026

dengan kaedah kutipan tunai atau kutipan secara *Electronic Fund Transfer* (EFT); dan

- iv. Kutipan secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) hendaklah mematuhi prosedur yang telah diedarkan melalui Surat Edaran Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) Bil 12 Tahun 2022 – Garis Panduan Pengurusan Terimaan Secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) ke Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan. Pegawai yang membuat bayaran bertanggungjawab memastikan perihal rujukan bayaran dinyatakan dengan jelas selaras dengan surat edaran berkenaan.

3. Sementara itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan adalah diminta untuk mematuhi perkara berikut bagi pembayaran melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E):

- i. Menyediakan Arahan Pembayaran (Kew.330E), jenis dokumen - Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (K2) berserta Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8) dan dokumen sokongan yang lain;
- ii. Memastikan pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E) menerima bayaran pada **13 Mac 2026 (Jumaat)**; dan
- iii. Memastikan tiada keciciran dalam pembayaran kepada pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E).

4. Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi Bayaran Bantuan Khas Kewangan Penjawat Awam dan Pesara Tahun 2026 adalah seperti berikut:

Kod Elaun (<i>Payroll</i>)	Kod Akaun	Perihal Kod
1072	B0117102	Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam
1072	B0117202	Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan
1072	B0229306	Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan atau Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

5. Komitmen dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan ke atas perkara ini amatlah dihargai bagi memastikan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Penjawat Awam dan Pesara Tahun 2026 dapat dibayar dengan lancar. Sebarang pertanyaan mengenai Bayaran Bantuan Khas Kewangan Penjawat Awam dan Pesara Tahun 2026, sila rujuk kepada PIC Unit Gaji di Jabatan ini.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(RUHEILA AFZAN BINTI MUSA PJK,C.A(M),ACMA,CPFA(UK))

b/p Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Perak